

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HGM 331 Geografi Bandar

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT soalan.

1. [a] Bezakan dua [2] proses utama pembangunan bandar.
(10 markah)
[b] Dengan merujuk kepada sebuah negara ASEAN, bincangkan usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan nasional negara ini untuk mengawal salah satu daripada proses pembangunan bandar seperti di atas.
(15 markah)
2. Jelaskan maksud sistem bandar-bandar, dan seterusnya bincangkan kesan zaman saudagar kepada sistem bandar di Semenanjung Malaysia.
(25 markah)
3. [a] Jelaskan dua [2] trend utama sistem-sistem bandar kontemporari di negara Dunia Ketiga kebelakangan ini.
(10 markah)
[b] Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan reaksi kerajaan nasional di negara Dunia Ketiga kepada trend-trend seperti di atas.
(15 markah)

4. "Satu ciri utama bandaraya-bandaraya moden ialah tahap perbezaan dalaman yang sungguh ketara" (Clark, 1982: 141).

Huraikan pernyataan ini dalam konteks struktur dalaman bandaraya di negara maju.

(25 markah)

5. SAMA ADA

- [a] "..... pembolehkan utama yang menentukan pola perumahan di bandaraya-bandaraya adalah sistem kelas" (Johnston, 1984: 153).

Sejauh manakah anda bersetuju kepada pernyataan ini dalam konteks perluasan kawasan perumahan di sebuah bandaraya atau bandar di Malaysia sejak 1970?

(25 markah)

atau

- [b] Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan sistem pembekalan perumahan di negara Dunia Ketiga, dan bincangkan kesesuaian strategi yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah dalam sistem ini.

(25 markah)

6. [a] Jelaskan ciri-ciri penting yang membezakan ekonomi Litar Atas dengan ekonomi Litar Bawah di bandar-bandar di negara Dunia Ketiga.

(10 markah)

- [b] Sejauh manakah anda bersetuju bahawa ciri-ciri ini cukup lengkap dan sesuai untuk membezakan ekonomi bandar-bandar besar di Malaysia?

(15 markah)

7. Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya atau bandar besar di Malaysia, bincangkan kesan ruangan proses penglobalan aktiviti ekonomi ke atas bandaraya atau bandar besar ini.

(25 markah)